

## **BAB LIMA**

### **PERANAN AKTIVITI PENANAMAN PADI DALAM MASYARAKAT DI MUBAAN THI SAAM**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan peranan aktiviti penanaman padi dalam masyarakat Melayu Mubaan thi saam. Peranan ini akan dibincangkan dalam aspek ekonomi dan sosial.

Dari aspek ekonomi, penanaman padi bertindak sebagai aktiviti yang membekalkan asas kehidupan masyarakat iaitu padi (beras). Dengan orientasi kepada keperluan asas makanan, penanaman padi dilakukan di atas keluasan tanah yang kecil dan hasil yang diperolehi akan disimpan. Pekerjaan-pekerjaan lain pada hakikatnya cuma memberi sokongan untuk memperkuat atau mengukuhkan lagi keharmonian kehidupan mereka.

Selain dari sumber asas kehidupan, peranan aktiviti penanaman padi pada hari ini telah bertambah, di mana ia juga telah menjadi sumber pendapatan sampingan kepada sebahagian

penduduk mubaan dengan kewujudan penggunaan buruh upahan dalam aktiviti penanaman padi.

Dalam aspek sosial pula aktiviti penanaman padi dapat mewujudkan kerjasama sosial antara anggota masyarakat. Peranan ini dapat dilihat dari corak penggunaan tenaga buruh dari luar isirumah (selain tenaga kerja upahan). Pelbagai institusi yang digunakan bagi mendapatkan buruh kerjasama ini seperti 'derau' dan 'pinjam'.

Asas kerjasama dalam aktiviti ini adalah budaya hidup masyarakat dan budaya penanaman padi. Tenaga buruh dari luar isirumah ini biasanya saudara, jiran dan sahabat handai yang saling membantu dalam kerja-kerja penanaman padi. Permuafakatan sering diwujudkan untuk memulakan aktiviti penanaman padi, sikap perihatin terhadap jiran dan pakatan dalam menamatkan aktiviti penanaman padi. Budaya penanaman padi secara berperingkat juga menjadi faktor perlunya kerjasama sosial disebabkan ketidakcukupan tenaga kerja pada peringkat-peringkat tertentu.

### **5.2 Peranan aktiviti penanaman padi dalam aspek ekonomi**

Untuk melihat kepada peranan tanaman padi dalam ekonomi, apa yang akan difokuskan adalah hasil yang diperolehi. Dalam penanaman padi tahun 1995/96, seramai 33 keluarga dalam kategori 'pemilik-pengerja', telah menanam padi dalam keluasan kira-kira 180 rai dengan setiap seorang,

keluasan yang dikerjakan berlainan. Tetapi secara puratanya dapat dilihat keluasan sawah yang ditanam adalah kira-kira 6.7 rai bagi setiap keluarga. Hasil padi yang telah mereka perolehi dalam tahun ini adalah sejumlah 20,460 gantang. Secara purata setiap keluarga ini mendapat padi sejumlah 620 gantang.

Seramai 34 keluarga dari kelas 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' menanam padi di atas tanah pemilikan sendiri dalam keluasan 91 rai. Pada masa yang sama mereka juga telah mengerjakan tanah milik orang lain seluas 135 rai sebagai tambahan. Dengan keluasan sejumlah 226 rai setiap keluarga mengerjakan penanaman padi dengan keluasan 6.5 rai sahaja. Jumlah hasil padi yang telah dikeluarkan adalah 22,400 gantang dan dari jumlah itu, purata perolehan bagi setiap keluarga adalah 658 gantang. Jumlah yang mereka nyatakan ini telah ditolak dengan pembayaran sewa tanah (pawah) bagi pengerajan di atas tanah milik orang lain.

Sejumlah 10 keluarga dalam kategori 'pengerja' pula mengerjakan sawah yang keluasannya 85 rai tetapi semua tanah yang mereka kerjakan ini adalah milik orang lain. Keluarga dalam kategori ini mengerjakan sawah yang paling luas, di mana purata keluasan tanah yang mereka kerjakan adalah 8.5 rai. Hasil padi yang dapat dikeluarkan pada tahun tersebut adalah 8,900 gantang yang mana perolehan bagi setiap keluarga adalah 890 gantang. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut

masih lagi perlu ditolak ke atas pawah kepada tuan tanah. Setelah ditolak untuk pawah tanah, sama ada bahagi dua atau bahagi tiga, perolehan sebenar setiap keluarga adalah sedikit sahaja. (Lihat Jadual 5.1)

#### JADUAL 5.1

JUMLAH PADI YANG DIHASILKAN OLEH PETANI DI MUBAAN THI SAAM PADA MUSIM PENANAMAN TAHUN 1995/96

Status pemili-kan tanah (Org)	Tanah yang dikerjakan			Luas/ keluarga (rai purata)	Jumlah Hasil (gtg)	Hasil/ Keluar-ga (gtg) Purata
	sendiri (rai)	sewa (rai)	jam. (rai)			
P-P (33)	180	-	180	6.7	20,460	620
P-P-S-P (34)	91	135	226	6.5	22,400	658
P (10)	-	85	85	8.5	8,900	890
JUMLAH (77)	271	242	491	7.2	51,760	676

P-P = Pemilik-pengerja

P-P-S-P = Pemilik-pengerja-serta-penyewa

P = Penyewa

SUMBER: Borang soal selidik

Daripada anggota masyarakat dalam kategori 'pemilik-pengerja-serta-penyewa' dan 'penyewa', di dapati seramai 44 keluarga mengerjakan tanah milik orang lain. Dari

jumlah itu, seramai 15 petani atau 34% membuat persetujuan dengan hasil padi di bahagi dua, 22 petani atau kira-kira 50% lebih berminat untuk pembahagian hasil secara bahagi tiga, manakala tujuh petani atau 16.0% diberi hak untuk membuat padi secara percuma selama tiga tahun.

Persetujuan jumlah hasil akan dibahagi dua atau bahagi tiga ini biasanya dibuat dengan beberapa syarat. Untuk hasil di bahagi dua, pemilik tanah akan menyediakan segala keperluan input untuk penanaman seperti benih, baja dan upah penyediaan tanah. Petani yang akan menanam padi hanya akan menyediakan masa dan tenaga sahaja. Bagi hasil yang akan dibahagi tiga, di mana 'penyewa' akan menyerahkan hanya satu pertiga dari hasil yang diperolehi nanti. Syaratnya adalah pemilik hanya memberi hak pengerajan tanah yang dimilikinya manakala penyediaan tanah dan input-input yang lain ditanggung oleh 'penyewa'.<sup>1</sup> Dapat dilihat bahawa para petani lebih berminat untuk membuat pembahagian satu pertiga kerana kebanyakannya pemilik tanah biasanya tidak berminat untuk campur tangan dalam penanaman padi setelah mereka memberi kebenaran untuk seseorang mengerjakan tanah yang mereka miliki.

Bagi pengerajan secara percuma pula, hal ini berlaku kerana pemilik tanah yang mempunyai tanah tersebut sudah lama tidak mengerjakan tanah mereka. Justeru, keadaan tanah tersebut telah ditumbuhki rumput dan pokok-pokok kecil. Dengan ini, daripada membiarkan tanah tersebut tidak

dikerjakan dan musuh padi seperti tikus membuat sarang didalamnya, adalah lebih baik mereka menyerahkan tanah tersebut kepada orang lain untuk dikerjakan. Walaupun pengeraan ke atas tanah tersebut tidak mendatangkan sebarang perolehan kepada pemilik tanah tetapi tanah tersebut menjadi gembur dan subur semula. Tanah itu juga telah memberi peluang kepada jiran dan kenalan untuk menanam padi.

Bagi menentukan jumlah hasil padi yang diperolehi penduduk *Mubaan thi saam* membuat pengiraan menggunakan kaedah yang diistilahkan sebagai 'cabut gundal'. Ini kerana padi yang tuai dalam bentuk gemal (buah padi masih lagi lekat pada tangkainya) dan disimpan juga dalam bentuk 'gemal', jadi kaedah ini digunakan untuk menentukan padi dalam unit gantang. Melalui kaedah ini, pertama sekali mereka akan mengira jumlah gemal yang diperolehi semasa menyimpannya dalam baloh (rumah padi). Setiap dari 100 gemal yang dikira, satu gemal akan dicabut sebagai penanda dan penanda tersebut akan 'diirik' (dileraikan dari tangkainya) untuk disukat dalam unit gantang. Dari jumlah yang dicabut gundal inilah mereka dapat mengetahui jumlah padi yang mereka perolehi pada musim tersebut.

Sebagai contoh, untuk menjelaskan lagi kaedah ini, POK Loh, 53, salah seorang penduduk *mubaan* ini, memperolehi sebanyak 2,000 gemal padi. Dengan demikian jumlah yang dicabut gundal adalah sebanyak 20 gemal. Gemal yang dicabut

keluar ini akan diirik oleh isterinya dan padi yang telah lerai ini akan disukat dengan menggunakan cupak tempurung dalam kiraan empat cupak sama dengan satu gantang. Jumlah padi yang diperolehi adalah sebanyak 12 gantang. Dari jumlah ini secara kasarnya jumlah padi yang diperolehi oleh Pok Loh pada musim tersebut adalah sebanyak 1,200 gantang padi. Jumlah padi 1,200 gantang ini yang akan menghasilkan 600 gantang beras sudah mampu untuk menyara hidup beliau sekeluarga dalam tempoh lebih kurang dua tahun.<sup>2</sup>

#### **5.2.1 Penanaman padi sebagai ekonomi saradiri**

Dengan melihat kepada hasil yang diperolehi, penanaman padi yang diamalkan di *Mubaan thi saam* adalah jelas untuk tujuan saradiri. Hasil padi yang diperolehi semasa musim penanaman tahun 1995/96 tidak dijual walau sedikitpun. Padi yang diperolehi disimpan semata-mata untuk kegunaan sendiri. Hasil padi setelah dituai akan disimpan di dalam baloh.

Dengan hasil padi yang disimpan, baloh-baloh di *Mubaan thi saam* tidak pernah kehabisan padi. Mengikut kebanyakan penduduk, baloh mereka sentiasa ada padi sehingga padi yang dituai sejak zaman penggunaan tenaga kerbau masih ada tersimpan. Padi usang yang berusia 20 tahun ini apabila diproses berasnya akan berwarna merah, tidak putih seperti beras biasa. Ini dapat dilihat dari kata

sindiran yang mereka gunakan kepada sesiapa yang menghantar padi usang ke kilang untuk dimesin menjadi beras sebagai 'ayampun tak kenal itu ialah beras'. Berdasarkan pengalaman ini, jelas bahawa hasil padi yang diperolehi semuanya akan disimpan walaupun hasil tersebut sedikit melebihi dari keperluan untuk dimakan.

Apa yang mereka lakukan ini berdasarkan alasan yang konkret. Pertama, dengan adanya padi yang disimpan bermakna beras tidak perlu dibeli. Mereka akan mengeluarkan secara sedikit-sedikit apabila hendak dimakan. Bagi mereka, tidak ada gunanya menjual padi kemudian membeli pula beras dari kedai-kedai kepunyaan orang-orang Siam atau Cina yang lebih mahal. Penduduk *Mubaan thi saam* lebih suka memakan beras yang mereka hasilkan sendiri dari memakan 'beras anak Cina' iaitu istilah yang digunakan untuk merujuk kepada beras yang dibeli di pasar.

Kedua, hasil padi yang diperolehi ini walaupun banyak, akan disimpan sebagai langkah berjaga-jaga semasa kecemasan. Dome baka Teh, 58, salah seorang penanam padi di *Mubaan thi saam*, tidak menjual padi yang diperolehi kerana bimbang berlaku sesuatu kes darurat seperti perang dan banjir besar. Pada masa wang tidak bernilai lagi walaupun mempunyai simpanan yang banyak. Pada masa itu harga getah akan jatuh dengan teruk dan harga beras sudah pastinya akan melambung tinggi.

Ketiga, simpanan padi ini amat perlu jika kesihatan terganggu seperti sakit dan sebagainya. Pada masa ini walaupun tidak dapat melakukan sebarang pekerjaan tetapi masih boleh makan kerana bekalan padi masih ada. Jika perlukan wang, padi yang disimpan boleh dijual. Sekiranya keadaan ini berlaku, ke mana hendak dicari beras, jika tidak disimpan sendiri;

"Kalu ghego getoh tugho, pah beghah jadi maha, negeghi pere, boh besar seghremo oghe tok leh tane padi, maso tu pitih tok beghego, kito nak hungga cari beghah lah kuano? Kalau kito sakit demam duo tiga bule tok leh bangung pung takpo padi penuh baloh".

(Terjemahan dalam Bahasa Melayu standard);

"Kalau harga getah turun dan beras menjadi mahal, negeri berperang, banjir besar semua orang tak boleh menanam padi, masa itu duit tidak bernilai lagi, kita nak pergi cari beras ke mana? Kalau kita sakit demam dua tiga bulan tak boleh bangunpun tak mengapa, sebab padi penuh baloh."<sup>3</sup>

Keempat, hasil padi ini juga disimpan untuk tujuan sesuatu keramaian seperti kenduri-kendara. Dalam masyarakat Melayu sesuatu keramaian seperti perkahwinan, berkhatan, majlis bercukur anak, majlis kesyukuran, dan berbagai upacara 'rites of passage' perlu diadakan. Dalam semua majlis ini, jamuan yang paling utama adalah nasi. Dengan adanya padi yang disimpan selama ini, padi tersebut boleh digunakan. Mereka tidak perlu lagi mengeluarkan wang untuk membeli beras

di pasaran. Jikapun tidak ada kenduri bagi sesebuah keluarga itu, mereka juga biasanya akan memberi sedekah padi yang diperolehi kepada kenalan yang tidak menanam padi untuk mereka juga dapat merasa beras baru.

Kelima, jumlah hasil yang diperolehi sangat mustahak dikira untuk menentukan jumlah zakat hasil pertanian yang akan dikeluarkan. Begitu juga jika pengeraian ke atas tanah milik orang lain hasil perlu dikira untuk menentukan jumlah yang akan diberikan kepada pemilik tanah tersebut mengikut perjanjian.

Dari keadaan dan keterangan yang mereka berikan ternyata bahawa peranan aktiviti penanaman padi amat penting dalam kehidupan masyarakat *Mubaan thi saam*. Tanaman padi adalah sebagai penyambung hidup mereka. Selain dari tujuan kegunaan semasa, padi yang mereka perolehi disimpan sebagai bekalan masa hadapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

#### **5.2.2 Penanaman padi sebagai ekonomi pendapatan sampingan**

Pada hari ini, penanaman padi yang dilakukan bukan sahaja sebagai asas makanan tetapi peranannya juga telah bertambah, walaupun bukan satu pertambahan yang besar. Penanaman padi telah memberi peluang kepada segelintir anggota masyarakat untuk mendapatkan sumber pendapatan melalui kegiatan mengambil upah. Tenaga buruh upahan ini adalah mereka yang menjual tenaga sebagai pekerja yang

menerima upah daripada penanam padi yang bertindak sebagai majikan. Keadaan ini berlaku menjelang era selepas Perang Dunia ke-2, di mana telah muncul segelintir anggota masyarakat yang mula berminat dengan kegiatan ekonomi wang.<sup>4</sup>

Di *Mubaan thi saam*, pihak yang memerlukan tenaga buruh upahan pada peringkat-peringkat tertentu dalam aktiviti penanaman padi. Penawaran tenaga ini juga termasuk dari luar *Mubaan thi saam* seperti dari *Mubaan thi nung* dan lain-lain *mubaan*. Secara umumnya, pembangunan ekonomi Thailand sejak tahun 1960-an telah membawa kepada pertambahan yang drastik kepada penggunaan tenaga buruh upahan di kawasan pengeluaran padi. Di Dataran Tengah Thailand yang mana pengeluaran padi secara komersial lebih diutamakan, aktiviti buruh kerjasama telah hampir lenyap. Pertanian telah menjadi sebagai 'a business for profit instead a way of life'. Kegiatan untuk pasaran lebih diutamakan daripada perhubungan sosial setempat. Walau bagaimanapun, perubahan secara keseluruhan penggantian tenaga buruh kerjasama ini berlaku secara perlahan-lahan selari dengan kemajuan kawasan dan peredaran masa. Di luar dari Dataran tengah, khususnya kawasan yang bukan pengeluaran untuk pasaran, sebahagian kecil sahaja melibatkan penggunaan tenaga buruh upahan:

As the production of rice for sale increased, greater use was made of hired labor. At the same time, the old system of communal planting and harvesting tended to decline. These change took place gradually, but they

were appearing in the Central Region early in twentieth century... the region outside the Center continued to practice predominantly subsistence farming, with labor supplied almost exclusively by the family unit and by communal efforts.

Begitu juga yang berlaku di kawasan *Mubaan thi saam*. Tenaga buruh upahan sebenarnya telah lama wujud di *mubaan* ini, tetapi bukan dengan bayaran bentuk wang sebaliknya pemberian hasil padi. Bentuk upah begini diberikan kepada saudara terdekat yang datang menolong seperti anak-anak atau menantu yang tidak tinggal bersama. Pada kebiasannya pemberian hasil padi ini akan diberikan setelah kerja-kerja 'mengetam' hampir selesai. Satu petak sawah akan ditinggalkan khas untuk dituai sendiri oleh pekerja berkenaan sebagai pemberian (upah). Pemberian upah seperti ini masih lagi diamalkan dan upah yang dibayar secara tunai di *Mubaan thi saam* mula berlaku secara perlahan-lahan dan masih lagi di peringkat awal.

Method pembayaran upah bergantung kepada bentuk pekerjaan yang dilakukan. Dari 77 keluarga yang menanam padi di *mubaan* ini hanya 13 buah keluarga sahaja yang menggunakan tenaga kerja upahan. Tenaga upahan ini hanya terlibat dalam proses penyediaan tanah dan lain-lain peringkat yang memerlukan tenaga buruh yang intensif. Method pembayaran upah adalah wang tunai yang mana seperti berikut: Menyediakan tanah sawah adalah 400 *Baht* bagi setiap *rai*, mencabut semaian

2.5 Baht atau mengikut panggilan tempatan disebut 'dua kok samah' bagi setiap 'uting' semaian. Upah bagi mencedong juga 'dua kok samah bagi setiap 'uting' semaian. Pada kebiasannya aktiviti cabut/cedong ini dilakukan sekali gus oleh seseorang pekerja yang mengambil upah. Jarang berlaku mereka mengambil upah mencabut semaian sahaja atau mencedong sahaja. Dengan demikian jumlah upah yang diperolehi adalah 5 Baht bagi setiap 'uting' semaian yang siap dicabut dan dicedong. Bagi kegiatan menuai pula jumlah upah yang ditawarkan adalah 10 Baht bagi tiga 'gemal' padi.

Secara umumnya kerja-kerja buruh upahan dalam masyarakat *Mubaan thi saam* tidak berasaskan kepada perhitungan hari kerja yang tetap. Apa yang dilihat di sini adalah keutamaan pembayaran upah kepada hasil kerja, bukan kepada jumlah hari seseorang itu bekerja. Ini tidak sama dengan kebiasaan bagi bentuk pekerjaan kontrek. Keadaan ini membenarkan pekerja menjadi lebih fleksibel dalam menyiapkan kerja-kerja tersebut.

Situasi ini telah membentuk satu peluang baru kepada sembilan orang suri rumah yang menjual tenaga untuk mengambil upah mencabut semaian, 'mencedong' dan 'mengetam'. Mereka bukan sahaja menjual tenaga dalam aktiviti penanaman padi di *mubaan* ini sahaja malah datang ke Malaysia untuk mengambil upah dalam aktiviti penanaman padi. Semasa kajian ini dibuat, pengambilan upah ke Malaysia dilakukan di kawasan

Salor, Tar Tujuh dan Lati dalam Daerah Pasir Mas, Kelantan. Pemergian mereka ini diuruskan oleh seorang kenalan yang dipanggil Pok Adik. Hasil jualan tenaga dalam aktiviti ini dalam tempoh dua minggu boleh dibawa balik sehingga RM 700 setiap orang. Peluang ini menjadi rebutan mereka pada setiap tahun.<sup>6</sup>

Bagi tenaga kerja lelaki pula lima orang ketua keluarga yang mengambil upah dalam penyediaan petak sawah di bendang Bangpho. Kebanyakan kerja-kerja penyediaan tanah ini diupah oleh mereka yang tidak mempunyai jentera membajak. Dengan adanya aktiviti ini bermakna aktiviti penanaman padi telah menjadi sebagai aktiviti pendapatan sampingan kepada sebahagian golongan petani di mubaan ini. Selain dari petani yang mempunyai kelebihan jentera moden, sumber pendapatan sampingan ini juga biasanya dilakukan oleh kalangan mereka yang tidak mempunyai tanah untuk dikerjakan. Begitu juga anggota masyarakat yang menanam padi di atas tanah sendiri tetapi dalam pemilikan yang kecil.

Biasanya surirumah termasuk di dalam anggota masyarakat yang aktif ekonomi tetapi tidak mendatangkan pendapatan. Kerja-kerja rumah tangga yang mereka lakukan tidak dibayar upah. Dengan adanya peluang ini sekurang-kurangnya dapat membantu dari segi sumber pendapatan suami untuk keperluan hidup.

### **5.3 Peranan aktiviti penanaman padi dalam aspek sosial**

Penanaman padi berperanan mewujudkan unsur kerjasama dalam anggota masyarakat di *Mubaan thi saam*. Ini dapat dijelaskan dengan melihat kepada penggunaan tenaga buruh kerjasama dari luar isirumah (selain tenaga upahan).

Pada asasnya, sejak tradisi lagi, unit asas dalam pengeluaran, penggunaan dan tenaga kerja dalam pertanian saradiri adalah isirumah. Kajian yang pernah dibuat oleh John W.Mellor menjelaskan pertanian dalam ekonomi tradisional yang dominan di kawasan Asia, Afrika dan Amerika Latin kebanyakannya dikerjakan di atas tanah yang kecil. Satu atau dua orang bertindak sebagai tenaga kerja yang mana kebanyakan tenaga kerja ini datangnya dari isirumah yang sama:

Farming in the traditional agricultural economies dominantly in much of Asia, Africa and Latin America occurs largely on small farms with one or two-man equivalent labor force. Much of the labor force came from same household.<sup>7</sup>

Tenaga kerja isirumah dalam penanaman padi ini adalah petani dan isterinya. Pada ketika tertentu kegiatan penanaman dilakukan secara bersama-sama dan masa masa tertentu pula wujud pembahagian tenaga kerja. Bagi masyarakat Thai di Bahagian Utara Thailand, corak pembahagian tenaga kerja tidak begitu jelas. Semasa memindah semaihan dan menuai, isirumah keluarga tani lebih cenderung untuk

melakukan bersama-sama. Contohnya semasa memindah semaian, lelaki akan mencabut semaian manakala tenaga kerja wanita akan menanam semaian tersebut di dalam petak sawah. Kajian oleh Pasuk Phongpaichit di Mae Kue misalnya menjelaskan keadaan ini. Corak pengeraian sawah pada peringkat 'mencedong' melibatkan tenaga kerja lelaki seperti ini berlaku kerana pekerjaan yang dilakukan itu mendatangkan sumber pendapatan.

During transplanting in Mae Kue for instance, the men tend to specialise in plucking out the seeding from the nursery bed, while women do the re-setting, and the latter job carries a lower rate.<sup>8</sup>

Keadaan ini tidak sama dengan apa yang berlaku di *Mubaan, thi saam*. Peringkat ini memperlihatkan pembahagian tenaga kerja yang khusus kerja. Dalam aktiviti penanaman padi di sini, petani hanya melakukan tenaga kerja asas penanaman padi iaitu penyemaian benih dan penyediaan petak sawah. Sesudah melakukan kerja-kerja ini mereka akan meninggalkan aktiviti penanaman padi untuk melakukan aktiviti lain yang mendatangkan sumber pendapatan.

Kerja-kerja seterusnya seperti mencabut semaian, mencedong dan menuai dilakukan oleh isteri mereka. Corak pembahagian kerja mengikut jantina ini bagi memberi peluang kepada seseorang petani untuk mencari sumber pendapatan bagi

keperluan isirumah. Aktiviti penanaman padi sahaja tidak mencukupi untuk keperluan hidup isirumah. Sumber pendapatan diperlukan untuk pembelian pakaian, lauk-pauk, peralatan rumah serta keperluan dapur. Ini menunjukkan sebahagian besar kerja-kerja penanaman padi dilakukan oleh tenaga kerja wanita. Kepentingan peranan wanita dalam organisasi tenaga kerja dalam aktiviti penanaman padi dapat dijelaskan dalam Jadual 5.2.

#### JADUAL 5.2.

TENAGA KERJA DALAM SETIAP PERINGKAT PENANAMAN PADI DI MUBAAN THI SAAM PADA MUSIM PENANAMAN TAHUN 1995/96.

Bulan penanaman	Peringkat penanaman	Tenaga kerja
Ogos	Memulakan penanaman: - Penyemaian benih - Penyediaan petak sawah	- Bersama - Lelaki
Oktober	Memindah semaihan: - Mencabut semaihan - Mencedong	- Wanita - Wanita
Okt-April	Tempoh tumbesaran padi: - Penjagaan air - Pembajaan - Pengawalan musuh padi - Pengawalan penyakit	- Bersama - Bersama - Bersama - Bersama
April -Mei	Menuai hasil: - Mengetam padi - Menyimpan padi - Mengirik padi	- Wanita - Wanita - Wanita

SUMBER: Kerja lapangan

Dalam Jadual ini dapat dilihat wanita memainkan peranan yang penting dalam kebanyakan aktiviti pertanian yang dijalankan. Mengikut Noeleen Heyzer, Cecilia Ng dan ramai lagi pengkaji sebelumnya, dalam aktiviti saradiri, wanita memang memainkan peranan yang lebih penting berbanding tenaga kerja lelaki. Di kawasan pengeluaran saradiri tenaga kerja wanita bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penanaman seperti mencabut semaian, mencedong, menuai dan mengirik padi dan dari beras menjadi nasi. Keadaan ini seperti yang berlaku dalam aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam*:

The rural household is responsible for production, consumption and investment activities. Women play an important role in all these activities. In the area of production, they are responsible for carrying out many crop operations, particularly weeding, harvesting, threshing and storage.

Penilaian masyarakat tradisional yang menjadikan wanita memainkan peranan lebih penting dalam aktiviti saradiri ini. Status wanita dianggap lebih rendah dari kaum lelaki. Segala bentuk pemilikan tanah, pelajaran, kuasa dan sumber ekonomi tidak diberikan kepada kaum wanita. Mereka hanya layak melakukan kerja-kerja rumahtangga, menjaga makan dan minum anak-anak sahaja. Segala punca pendapatan adalah tanggungjawab kaum lelaki. Kaum lelaki yang biasanya ketua

rumah dan isteri sebagai pembantu. Sebagai memenuhi keperluan hidup, tanggungjawab wanita untuk memastikan sumber makanan keluarga, dan cara yang pasti adalah dengan bercucuk tanam.

Corak kehidupan masyarakat Melayu luar bandar di mubaan ini bukan satu unit yang terasing. Kebanyakan anggota masyarakat di sini dihubungkan dengan tali persaudaraan dan sikap kejiranan. Melalui kehidupan bermasyarakat ini, terdapat kewajipan untuk saling membantu dalam kebanyakan aktiviti sosioekonomi masyarakat. Cecilia Ng et al., dalam kajian mereka di Malaysia menjelaskan aktiviti kerjasama masyarakat ini sebagai 'social relation networks'. 'Networks' atau jalinan kerjasama dalam bermasyarakat ini bermakna sekumpulan anggota masyarakat dihubungkan dengan perasaan kepentingan bersama, kewajipan atau pergantungan kepada adat sosial, ekonomi dan politik, berdasarkan hubungan persaudaraan dan kenalan:

By 'networks' is meant groups of people linked by some sense of common interest, obligation or dependence of a social, economic or political nature, base on direct personal acquaintance.<sup>10</sup>

Dalam masyarakat, selalunya terdapat beberapa 'overlapping networks activities' seperti barang, pekerjaan dan maklumat. Contoh yang jelas adalah aktiviti buruh

kerjasama dalam penanaman padi. Wanita-lah yang memainkan peranan dalam kerjasama ini. Ini menunjukkan kehidupan mereka berasaskan kepada hubungan yang kuat dalam masyarakat. Hubungan yang erat dalam kehidupan bersama menjadikan suasana lebih harmoni dengan sikap tolong menolong dipupuk antara satu sama lain.

Untuk menjelaskan bagaimana aktiviti penanaman padi memainkan peranan dalam mewujudkan kerjasama sosial di *mubaan* ini, ia boleh dilihat dalam semua peringkat penanaman padi. Unsur tolong menolong dalam budaya penanaman padi bukan sahaja melibatkan tempoh kemuncak iaitu mencabut semaian, 'mencedong' dan 'mengetam' yang memerlukan tenaga bantuan orang lain, tetapi juga dapat dilihat dalam tempoh yang agak senang seperti selepas anak semaian dicedong dan sesudah kerja-kerja menuai selesai.

Dalam tempoh tumbesaran pokok padi, kebanyakan petani membiarkan tanaman mereka hidup dengan sendiri. Kadang-kadang sahaja mereka juga datang menjengok tanaman tersebut untuk melihat keadaan air, penyakit dan sebagainya. Semasa meninjau keadaan padi mereka, tanaman orang lain yang berdekatan juga akan diperhatikan. Jika sekiranya terdapat masalah seperti kekurangan air dan penyakit mereka akan segera memberitahu petani berkenaan mengenai padi mereka. Sikap perihatin keseluruhan petani terhadap tanaman padi mereka dan juga tanaman orang lain membolehkan seseorang

petani menjalankan aktiviti lain semasa tempoh tumbesaran padi. Mereka tidaklah begitu bimbang dengan keadaan tanaman mereka kerana ada petani lain yang akan memberitahu jika ada sebarang masalah.

Tempoh sesudah memindah semaihan ke petak sawah hingga tiba masa menuai adalah masa kerja sawah yang agak kurang, sesebuah keluarga bekerja beberapa jam sahaja dalam seminggu. Dalam jangkamasa ini petani hanya perlu memastikan keadaan air, pembajaan dan makhluk perosak. Pada masa ini mereka lebih cenderung untuk meninggalkan kerja-kerja sawah dan melibatkan diri dalam aktiviti rumahtangga atau mencari pekerjaan lain yang mendatangkan sumber pendapatan.

Kerjasama anggota masyarakat juga dapat dilihat dari semasa menamatkan aktiviti penanaman padi dengan mengadakan majlis kesyukuran. Majlis ini diadakan setiap tahun. Semasa kajian ini dibuat kebanyakan petani bermuafakat untuk mengadakan kenduri dengan membuat laksa dengan beras baru. Mereka masing-masing menyumbang padi mengikut kemampuan di antara satu gantang hingga lima gantang. Tidak semua keluarga menyumbangkan padi sebaliknya ada yang menawarkan diri untuk membuat kuah laksa, kuih-muih, dan bahan-bahan lain untuk dimakan bersama laksa.

Kenduri kesyukuran ini telah diadakan pada waktu pagi dan mereka akan membawa makanan tersebut ke bendang. Majlis ini dimulakan dengan sembahyang hajat oleh kaum

lelaki. Kemudian mereka akan menjamah jamuan yang dihidangkan sambil berbual-bual. Mengikut Nai Karia baka Said, majlis ini tidak pernah ditinggalkan sejak dahulu lagi tetapi telah dibuat sedikit perubahan. Dahulunya, lebih kurang 15 tahun yang lepas, majlis keramaian ini dipenuhi dengan unsur maksiat seperti berlaga ayam, lembu dan biri-biri. Tetapi kini nilai-nilai Islam telah diterapkan di mana kegiatan melagakan binatang telah dihapuskan.<sup>11</sup>

Sesudah semua aktiviti ini selesai, di masa lapang pada waktu petang, kebanyakan petani sama-sama turun ke sawah untuk bermain layang-layang sehingga ke waktu maghrib tiba.

Sesebuah keluarga biasanya bekerja kuat lebih dari lapan jam sehari, bermula dari pagi hingga ke petang dalam peringkat memindah semaihan dan menuai. Kedua-dua peringkat ini merupakan masa yang paling genting dalam budaya penanaman padi. Hal ini berlaku kerana pada peringkat ini, sesebuah keluarga tani memerlukan bantuan tenaga buruh. Seseorang petani terpaksa meminta bantuan dari tenaga kerja luar isirumah kerana kekurangan tenaga untuk melakukan aktiviti ini dalam masa yang singkat. Dengan ini, penanaman padi yang dipraktiskan di *Mubaan thi saam* adalah berorientasikan tenaga buruh secara kerjasama sesuai dengan tujuan penanaman untuk saradiri bukan untuk pasaran.

Dalam proses memindah semaihan, hanya semaihan yang cukup umur 40 hari sahaja yang boleh dicabut untuk

dipindahkan. Umur semaiian tidak boleh kurang, dan tidak boleh lebih, dari tujuh hari selepas cukup umur. Jika tidak cukup umur, batangnya cepat putus atau menjadi bengkok semasa dicabut dan dipindahkan. Jika melebihi satu minggu, semaiian menjadi tidak elok untuk 'dicedong' kerana tempoh penyesuaianya sudah habis. Padi yang lebih umur ini akan menjadi terbantut pembesarannya dan baja yang banyak diperlukan untuk membolehkan ia pulih dan menjadi anak padi.

'Cedongan' juga perlu dilakukan dalam masa yang terhad. Semaian yang telah dicabut juga perlu 'dicedong' dengan segera dalam tempoh tidak lebih dari dua hari. Ini kerana apabila semaiian dicabut, akarnya perlu direndam di dalam air supaya tidak layu oleh bahang matahari. Apabila direndam lebih dari dua hari, akar semaiian menjadi semakin panjang dan bersalut antara satu sama lain. Keadaan ini akan menyukarkan batang-batang semaiian untuk 'dicedong'.

Dalam peringkat menuai juga kerja-kerja perlu diselesaikan secepat mungkin. Kesuntukan masa timbul setelah pokok padi berbuah lebat dan batangnya mulai mengering. Jika lambat 'diketam', pokok padi akan rebah apabila ditiup angin manakala buahnya akan tenggelam di dalam air dan lerai dari tangkainya. Apabila rebah, selain dari merosakkan buah padi, kerja-kerja 'mengetam' juga menjadi tidak selesa. Para pekerja terpaksa tunduk dan membongkok untuk mengambil buah padi dan keadaan ini menyebabkan sakit pinggang.

Untuk melakukan semua kerja-kerja dalam peringkat mencabut semaian, 'mencedong' dan 'mengetam', sesebuah keluarga berusaha untuk memaksimumkan tenaga kerja isirumah dengan bantuan anak perempuan. Walaupun tenaga kerja isirumah telah digunakan semaksima yang mungkin untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam masa yang terhad, namun masih belum mencukupi. Pada peringkat ini sesebuah keluarga tani di *Mubaan thi saam* mula memerlukan tenaga kerjasama dari luar isirumah. Keadaan ini juga berlaku dalam masyarakat yang lain. Kajian yang dibuat terhadap masyarakat Thai menunjukkan tenaga kerjasama memang menjadi amalan dalam keseluruhan aktiviti penanaman padi:

Because of the inability of household to independently managed agricultural production, labour exchange in particularly were a quintessential feature of village life. In the precapitalist Thai Village, the exchanges followed the entire rice-growing cycle, including uprooting, transplanting, weeding<sup>12</sup> and, in some cases, even cooperative pounding of rice.

#### **5.4 Faktor-faktor yang membantu kerjasama sosial**

Amalan kerjasama antara penduduk ini penting dalam mengeratkan lagi tali perhubungan di kalangan ahli komuniti *Mubaan thi saam*. Kedua-dua tenaga buruh kerjasama ini atau dikenali sebagai 'reciprocal labor arrangements' oleh Charles Bernard Mehl dalam kajiannya merupakan satu elemen kerjasama masyarakat yang dimainkan oleh aktiviti penanaman padi.

'Reciprocal labor arrangement' ini dapat dijelaskan melalui dua institusi, iaitu 'institusi derau' dan 'pinjam orang'.

Futhermore, rice harvesting and threshing are for many important activities to maintain ties with family and close friend: reciprocal labor arrangements continue for these long after they have ended for other rice task.<sup>13</sup>

Bagi menjelaskan aktiviti penanaman padi dan hubungannya dalam mewujudkan kerjasama anggota masyarakat *Mubaan thi saam*, ia tidak harus dipandang dari sudut budaya penanaman sahaja. Peranan ini sebenarnya dimainkan oleh sikap masyarakat. Sesebuah komuniti luar bandar khususnya orang Melayu pada umumnya berasaskan kepada sikap bermasyarakat di kalangan anggotanya. Semangat persaudaraan ini diwujudkan oleh kaitan persaudaraan, kenalan, jiran atau setidak-tidaknya anggota dalam komuniti yang sama.

Dalam meneliti elemen kerjasama dalam aktiviti ini beberapa faktor sosial yang turut membantu. Faktor pertama adalah hubungan persaudaraan. Pada kebiasaannya terdapat unsur kekeluargaan yang menghubungkan anggota-anggota masyarakat di luar bandar. Sebahagian besar dari penduduk *Mubaan thi saam* ini berasal dari keturunan yang sama. Oleh hal yang demikian boleh dikatakan hampir setiap orang di mubaan ini bersaudara antara satu sama lain dalam hubungan adik-beradik, sepupu, dua pupu dan mereka yang mempunyai

hubungan yang jauh masih lagi dianggap saudara dalam hubungan 'bau-bau bacang'. Institusi kekeluargaan ini menentukan kehidupan mereka. Corak kerjasama dapat dilihat dengan jelas dalam aktiviti bermasyarakat dan tolong menolong antara satu sama lain. Ia menyediakan satu rangka kerja sosial untuk guna tenaga bagi kebanyakan penduduk *Mubaan thi saam* yang meliputi pelbagai bentuk kerjasama ekonomi dan sosial. Dengan perkembangan berdasarkan 'bilateral kindred', perhubungan antara adik-beradik dari kedua-dua belah ibu dan bapa adalah paling penting dalam membentuk tenaga buruh kerjasama.<sup>14</sup>

Faktor kedua yang terlibat dalam memainkan peranan ini adalah tanah yang dikerjakan dalam keadaan berdekatan. Keluarga-keluarga yang mengerjakan tanah yang berdekatan atau tidak berapa jauh letaknya antara satu sama lain, didapati lebih senang untuk saling bantu-membantu walaupun mereka tidak mempunyai hubungan persaudaraan. Dengan keadaan ini penyusunan kepada tenaga buruh kerjasama lebih senang dilakukan pada masa yang diperlukan.<sup>15</sup>

Faktor ketiga adalah perasaan kejiranan dan setiakawan dalam kehidupan sekampung yang perlu saling tolong-menolong pada masa jiran tetangga meminta pertolongan. Perasaan kejiranan dan setiakawan ini didapati juga menjadi asas yang kuat dalam mengeratkan perhubungan antara anggota masyarakat tani.<sup>16</sup> Kerjasama ini berasaskan prinsip bahawa pertolongan atau khidmat tersebut diberikan dengan harapan

dapat menerimanya kembali pada masa yang lain pula. Seseorang itu biasanya tidak menolak apabila diminta pertolongan kerana dia mengetahui pada suatu ketika nanti dia akan memerlukan pula pertolongan dari orang yang ditolongnya.

Melalui proses kerjasama seperti ini, maka terdapat satu jalinan obligasi timbal balik yang menjadi tali penghubung antara anggota-anggota masyarakat dalam *mubaan* ini. Seperti yang diterangkan oleh Potter, jiran adalah orang yang paling dekat untuk meminta apa-apa bantuan sekalipun. Pertolongan ini dalam segala hal kehidupan, sakit demam dan sebagainya sehingga jiran dianggap sebagai saudara.

Neighbours are among the first to help in life crises, such as serious illness, births, ordinations and funeral. Neighbours are so important that they are often treated as kinsmen.<sup>17</sup>

Tiga elemen tersebut iaitu hubungan persaudaraan, kedudukan tanah yang berdekatan dan semangat kejiranan adalah asas kepada anggota masyarakat *Mubaan thi saam* dalam merapatkan hubungan sosial melalui pembentukan tenaga buruh kerjasama bagi memenuhi keperluan aktiviti penanaman padi. Walaupun pada realitinya beberapa faktor ini dapat dikategorikan secara berasingan tetapi ia bergabung antara satu sama lain. Tiada faktor yang lebih dominan dalam

pembentukan tenaga buruh kerjasama untuk penanaman padi. Ini terjadi kerana faktor-faktor ini saling bertindih seperti jiran, yang juga sememangnya saudara-mara mereka.

Kerjasama masyarakat dalam penanaman padi ini bukan sahaja ditentukan oleh faktor-faktor sosial seperti di jelaskan di atas, tetapi institusi masjid juga turut membantu. Institusi masjid memainkan peranan untuk wujudkan unsur kerjasama peringkat permulaan untuk penanaman padi lagi.

Untuk memulakan musim penanaman, anggota masyarakat mubaan ini akan membuat perbincangan mengenai penentuan masa yang sesuai. Perbincangan ini bertujuan untuk mendapat pandangan orang tua dan kemudian kata sepakat bila penanaman akan dimulakan. Perbincangan ini biasanya diadakan di masjid. Masjid merupakan satu institusi yang penting dalam masyarakat Melayu luar bandar. Institusi ini mengandungi beberapa orang penduduk yang terlibat secara langsung berhubung dengan penjagaan dan kemajuan bangunan tersebut. Badan yang menjaga masjid ini atau dalam bahasa Thai dinamakan *kamakarn masyid* terdiri daripada imam, bilal dan beberapa orang ahli jawatankuasa.

Masjid bukan tempat ibadat semata-mata tetapi juga sebagai tempat perbincangan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat dan kehidupan. Institusi tumpuan masyarakat seperti tempat ibadat seperti ini bukan mustahak bagi

masyarakat Melayu sahaja. Peranannya sama juga dengan wat dalam masyarakat Siam. Kajian yang pernah oleh Moerman di dalam sebuah kampung di Baan Ping, Bahagian Utara Thailand mempamerkan bahawa peranan pusat ibadat tersebut sebagai lambang kerjasama dan perpaduan sosial.

The temple acts to equalize private wealth, to structure voluntary kinship, and to provide an enduring corporate organization which trains and certifies village leaders and hold village projects...in its ritual and rationale, the temple dramatize reciprocity, the basic principle of Baan Ping social life.<sup>18</sup>

Anggota masyarakat yang datang bersembahyang biasanya sesudah sembahyang maghrib sambil menunggu masuk waktu isyak mereka akan berbual-bual secara bersahaja. Pada masa inilah perbincangan mengenai bila penanaman padi biasanya dicetuskan. Perbincangan ini akan didengar bersama oleh imam dan bilai masjid *Mubaan thi saam* dan mereka memberi pandangan masing-masing untuk mendapat kata sepakat. Pertimbangan untuk memulakan penanaman ini biasanya sama pada setiap tahun kerana penanaman hanya boleh dimulakan dengan kedatangan Monsun Timur Laut. Walaupun begitu, sudah menjadi adat bermasyarakat untuk menentukan permulaan aktiviti penanaman padi secara bersama.

Walaupun perbincangan ini secara tidak rasmi tetapi keputusannya akan diterima ramai. Orang lelaki yang datang

ke masjid itu akan pulang dan memberitahu isteri mereka masa penanaman akan dimulakan. Dengan wujudnya persepakatan dan kerjasama ini masa memulakan penanaman padi adalah serentak oleh kebanyakan anggota masyarakat *Mubaan thi saam*.

Kerjasama sosial dalam aktiviti penanaman padi dibuat melalui dua institusi, iaitu 'derau' dan 'pinjam orang'. Melalui institusi 'pinjam orang' dapat dilihat bahawa golongan petani yang miskin juga berpeluang merapatkan diri sebagai anggota masyarakat *mubaan*. Mereka tidak merasa tersisih atau terpinggir kerana kemiskinan. Institusi ini telah bertindak sebagai alat untuk merapatkan hubungan sosial keluarga petani kecil dalam kelompok masyarakat. Tenaga bantuan yang dihulurkan ini adalah atas faktor yang sama dengan 'institusi derau' iaitu persaudaraan dan perasaan kejiranian yang perlu saling bantu-membantu.

### **5.5 Tenaga kerjasama**

Untuk membincangkan peranan kerjasama sosial yang dimainkan oleh aktiviti penanaman padi melalui institusi tenaga kerjasama, adalah lebih baik terlebih dahulu menjelaskan konsep tenaga buruh kerjasama. Tenaga buruh kerjasama adalah satu istilah umum kepada tenaga bantuan dari luar isirumah selain dari tenaga kerja yang mendapat upah. Walau bagaimanapun tenaga buruh kerjasama ini perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam apabila perbincangan yang

spesifik terhadap bentuk-bentuk tenaga kerjasama ini. Secara teorinya, definisi umum tenaga buruh kerjasama dapat diperhatikan dari kenyataan yang diberikan oleh Karl Marx yang menerangkan:

When numerous labourers work together side by side, whether in one and the same process or in different but connected process, they are said to co-operate or to work in co-operation.<sup>19</sup>

Dengan definisi ini dapat dilihat bahawa apabila ramai orang bekerja secara bersama sama ada dalam proses yang sama atau kegiatan berlainan tetapi dalam proses yang berkaitan, mereka dikatakan melakukan kegiatan kerjasama.

Kebaikan buruh kerjasama adalah dapat menambahkan kuasa kerja seseorang dengan pembentukan tenaga kerja yang lebih besar. Bagi petani di *Mubaan thi saam*, masa yang diambil untuk menyiapkan aktiviti mencabut semaian dan mencedong tidak menentu. Ia bergantung kepada bilangan pekerja yang turut bersama dalam menyiapkan kerja-kerja ini di mana semakin ramai pekerja yang terlibat semakin cepat kerja tersebut dapat disiapkan.

Terdapat tiga keluarga mengambil masa cabut/cedong selama seminggu dengan bantuan lapan orang pekerja. Seramai 16 keluarga mengambil masa dua minggu juga dengan bantuan empat orang pekerja. Seramai 32 keluarga mengambil masa tiga

minggu dengan bantuan tiga orang pekerja dan 21 keluarga mengambil masa selama sebulan dengan hanya melakukan sendiri dan bantuan tenaga kerja anak-anak. Tidak dinafikan juga jangkamasa yang diambil bergantung kepada keluasan tanah yang dikerjakan tetapi dalam hal ini keluasan tanah adalah secara purata tujuh rai bagi setiap keluarga. Ini untuk menunjukkan tenaga buruh kerjasama dapat menambahkan kecekapan dan memendekkan masa yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja.

Dengan bersandarkan definisi tenaga buruh kerjasama ini, penelitian pula dibuat terhadap bentuk-bentuk tenaga buruh kerjasama yang diamalkan dalam masyarakat luar bandar di Thailand. Kebanyakan penulis, terutama dalam bidang antropologi yang menjalankan kajian masyarakat di pelbagai lokasi sejak 1940-an telah menjelaskan kepentingan tenaga buruh kerjasama dalam proses penanaman padi. Mereka menjelaskan tenaga buruh kerjasama dengan memberi fokus kepada 'reciprocal exchange of labor' iaitu tenaga kerja timbal balik. Mereka mengenalpasti kumpulan tenaga buruh kerjasama dibentuk terutama pada peringkat memindah semaiian dan menuai.

Kebanyakan dari perbincangan ini memberi fokus kepada kewujudan tenaga buruh kerjasama yang saling membantu dan perhubungannya dengan organisasi sosial yang lain seperti persaudaraan dan sikap komuniti. Sebahagian besarnya gagal

untuk menunjukkan perhubungan timbal balik tersebut yang pada dasarnya berkaitan dengan sosioekonomi masyarakat.

K. Kaufman dalam kajian masyarakat di Bang Khuat, Bangkok, telah membuat penemuan terhadap dua jenis perhubungan tenaga buruh kerjasama berkaitan dengan sosioekonomi masyarakat. Jenis yang pertama dikenali sebagai *aoraeng*, satu bentuk tenaga timbal balik yang diminta untuk memindah semaihan dan menuai. *Aoraeng* ini terbentuk di bawah prinsip pertolongan tersebut perlu di balas pada kadar yang sama kepada setiap tenaga yang membantunya di masa hadapan. Jenis yang kedua adalah yang disebut *khoraeng* yang pada dasarnya merupakan satu bentuk bantuan atau perkhidmatan percuma terhadap pemilik tanah dan golongan kaya yang mengerahkan tenaga penyewa dan penghutang untuk menyelesaikan kerja-kerja memindah semaihan dan menuai. Walaupun *khoraeng* pada asasnya perkhidmatan percuma kepada golongan pemilik tanah, pihak yang menerima bantuan tenaga tersebut akan menyediakan makanan dan minuman kepada para pekerja.<sup>20</sup> Dalam keadaan kes seperti ini, bukti dari Bang Khuat adalah cukup untuk memberi gambaran kewujudan institusi tenaga buruh yang lebih luas.

Sistem seumpama *khoraeng* ini juga pernah wujud dalam aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam*. Institusi ini yang dipanggil 'kerah' adalah satu sistem berdasarkan kepada perkhidmatan tenaga oleh seorang petani dari golongan

bawahan kepada golongan pemerintah dan kaya tanpa adanya sistem timbal balik. Prinsip perkhidmatan tenaga percuma ini adalah sebuah keluarga pemerintah yang biasanya *kamnan*, *phuyaibaan* atau golongan kaya meminta bantuan tenaga dalam menyiapkan kerja-kerja penanaman padi. Golongan pemerintah biasanya mendapat sambutan dari seluruh penduduk *mubaan* sedangkan golongan kaya hanya dari mereka yang mempunyai hubungan kebergantungan melalui hutang atau tanah yang dikerjakan milik golongan tersebut. Pada masa itu adalah menjadi kewajipan orang-orang bawahan untuk memberi khidmat kepada seorang pemerintah atau mereka yang berkuasa. Perkhidmatan ini diberikan sebagai khidmat kepada seorang ketua.

The peasants' obligation to the patrons included harvesting crop, providing various good in kind, and builing homes and other buildings.<sup>21</sup>

Bentuk perkhidmatan seperti ini sebenarnya satu eksploitasi tenaga buruh oleh golongan berkuasa atau kaya. Bentuk kerahan tenaga ini ditonjolkan oleh pewarisan sistem feudal yang memberi keutamaan kepada golongan pemerintah. Walau bagaimanapun pada hari ini bentuk kerahan seperti ini hanya wujud dalam aktiviti sosial seperti untuk mengadakan kenduri dan aktiviti-aktiviti masyarakat yang mempunyai kepentingan bersama. Bentuk kerahan ini hanya masih wujud

dalam aktiviti seperti membersihkan kubur, membaiki wakaf, surau dan sebagainya. Seseorang ketua melalui wakilnya akan mengerahkan tenaga orang ramai untuk tujuan ini.

Corak kerahan tenaga seperti ini tidak wujud lagi dalam aktiviti penanaman padi di *Mubaan thi saam*. Perubahan ini berpunca dari beberapa faktor. Pertama, menjelang lewat tahun 1970-an kebanyakan anggota masyarakat luar bandar sudah menerima pendidikan formal. Ini menjadikan pemikiran mereka lebih terbuka dan sebarang bentuk eksploitasi tidak dapat diterima lagi. Kedua, kebanyakan dari ketua-ketua masyarakat pada hari ini tidak lagi menanam padi. Mereka mula berkecimpung dalam dunia perniagaan seperti mana yang dilakukan oleh *Nai Mat Nuh, Kamnan Tambon Bangpho*.

Dengan memberi perspektif dan gambaran umum seperti ini, keadaan yang lebih spesifik di *Mubaan thi saam* akan diperbincangkan. Di *Mubaan thi saam* yang mengamalkan kaedah penanaman sistem cedongan, dua peringkat yang memerlukan tenaga buruh intensif iaitu memindah semaihan dan menuai. Dengan pendekatan pemerhatian ikut serta dan penggunaan borang soal selidik membolehkan penelitian beberapa bentuk tenaga kerjasama berhubung dengan perhubungan sosial dalam pengeluaran padi. Di *Mubaan thi saam* juga tenaga buruh kerjasama ini boleh dibahagikan kepada dua jenis yang berlainan berdasarkan penyusunan organisasinya dan kaitannya dengan perhubungan sosial. Jenis-jenis tersebut adalah

'berderau' dan 'pinjam orang'.

### 5.5.1 Institusi 'derau'

'Berderau' atau mengikut kajian Mokhzani di Negeri Sembilan, Malaysia disebut 'seraya' mendefinisikan sebagai "an institutionalized form of exchange labour" adalah satu bentuk institusi kerjasama atau tolong menolong dalam kerja-kerja penanaman padi.<sup>22</sup> Ia adalah salah satu dari ciri-ciri organisasi tenaga buruh utama yang ahlinya tidak tetap, tetapi dalam perhubungan timbal balik antara keluarga yang menanam padi atas dasar khidmat dibayar dengan khidmat.

Prinsip asasnya adalah seseorang petani yang telah diminta untuk melakukan 'derau' mesti membayar balik khidmat tersebut seperti mana yang diterima dahulu yang biasanya dikira dalam unit hari bekerja. Kumpulan ini bekerja bergilir-gilir dari sebidang tanah ke sebidang yang lain sehingga semua tanah yang hendak dikerjakan oleh anggota tersebut selesai dikerja bersama-sama.<sup>23</sup> Sebagai contoh, Che Munoh baka Jusoh (52) salah seorang penduduk *Mubaan thi saam* telah meminta empat orang jirannya untuk menolong dalam proses menuai selama lima hari. (Seperti mana dapat dilihat dalam lampiran; Gambar 4.11). Beliau juga akan menolong semua orang yang menolongnya ini selama lima hari setiap orang. Jika dia tidak berkesempatan untuk membalaas khidmat ini dalam tahun tersebut maka dia boleh membalaasnya pada musim

enanaman tahun berikutnya.

Perhubungan antara individu yang terlibat boleh juga mempengaruhi pemberian gantirugi dalam kes jika mereka tidak dapat membantu di masa seseorang yang telah mengelongnya. Pengantian begini tidak memberikan kesan kepada organisasi 'derau' tetapi akan menghalang perhubungan kepada individu yang terlibat. Cara menyelesaikan 'hutang' ini adalah dengan menyuruh orang lain untuk mengganti tenaganya. Atau cara lain dalam menyelesaikan 'hutang' ini adalah dengan ayaran wang atau pemberian hasil padi. Contohnya jika A tidak boleh membala khidmat B yang telah memberikan sepadanya tiga hari bekerja atas sebab-sebab tertentu dan ada masa yang sama B memerlukan tenaga bantuan tersebut dalam penanaman tahun itu, maka A akan menyelesaikan 'hutangnya' terutama selepas menuai dengan membayarnya dengan padi atau mungkin juga dengan bayaran tunai mengikut jumlah hari bekerja.

Bentuk pengantian tenaga buruh begini telah menjadi popular sejak kebelakangan ini seiring dengan perkembangan keluarga yang tidak mempunyai pemilikan tanah yang ingin mencari peluang untuk sumber pendapatan sampingan. Amalan membayar bagi mengganti khidmat ini mengizinkan wujudnya peluang yang luas kepada tenaga buruh upahan dalam penyusunan organisasi tenaga buruh untuk penanaman padi.

Sehingga ke hari ini di Mubaan thi saam tenaga

buruh yang membantu akan dibalas dengan tenaga. Dalam hidmat ini tuan kerja tidak perlu menyediakan hadiah atau apa-apa pemberian. Semasa mereka 'berderau' segala makan inum tidak ditanggung oleh tuan kerja dan masing-masing embawanya dari rumah.

Satu lagi aspek yang perlu dilihat dalam membentuk tenaga buruh kerjasama ini adalah kecenderungan untuk melakukan dalam kategori yang setaraf. Seorang pemilik-pengerja' adalah lebih cenderung untuk 'berderau' dengan 'pemilik-pengerja' yang lain. Kumpulan 'derau' ini husus kepada golongan pemilik tanah yang mengerjakan anahnya sendiri yang mana perhubungan seperti ini dikatakan 'symmetrical relation'.<sup>24</sup>

Mereka yang memiliki banyak tanah seperti golongan tuan tanah biasanya tidak terlibat dengan kegiatan berderau'. Ada beberapa sebab terjadinya keadaan demikian. Pertama, golongan ini jarang mengerjakan tanah sendiri dan mereka bergantung kepada tenaga kerja upahan. Kedua, terdapat ramai orang yang bersedia untuk mengerjakan tanah mereka dengan cara pembahagian hasil.

Orang yang tidak mempunyai tanah sama sekali juga jarang menjadi anggota 'derau'. Mereka tidak berpeluang menyertai institusi ini kerana tidak mempunyai tanah untuk dikerjakan. Sebaliknya mereka akan menjual tenaga dalam kegiatan mengambil upah atau menceburkan diri dalam kegiatan

ekonomi yang lain seperti sektor pembinaan di Muang Narathiwat atau pergi bekerja di Singapura. Bagi masyarakat di Bang Chan, Dataran Tengah Thailand iaitu satu kawasan pengeluaran padi untuk eksport, mereka yang tidak mempunyai tanah juga tidak terlibat dalam institusi kerjasama tetapi mereka menjual tenaga kepada pemilik tanah yang besar sebagai buruh pertanian:

Study in Central Plains Village of Bang Chan, small peasants and landless laborers did not have enough land to participate in labor exchange but instead hired themselves out to the larger ownership.<sup>25</sup>

Contoh kepada tenaga kerja 'derau' ini boleh dilihat dari salah satu keluarga iaitu Burahim baka Dosat, 55, yang termasuk dalam kategori 'pemilik-pengerja' telah mengerjakan tanah seluas 10 rai di bendang Bangpho. Beliau melakukan aktiviti penanaman padi dengan dua pekerja tetap iaitu beliau sendiri dan isterinya. Sejak dahulu lagi mengekalkan bentuk kerja 'berderau' dengan empat keluarga yang lain yang semuanya mempunyai hubungan persaudaraan dari sebelah ibu dan bapanya. Semua keluarga ini merangkap sepupu dari sebelah bapanya. Dalam musim penanaman tahun 1995/96, beliau meminta untuk berderau dengan semua mereka selama 17 hari bekerja iaitu lima hari mencabut semaihan, lima hari mencedong dan tujuh hari mengetam. Isterinya telah membayar

balik khidmat ini kepada semua mereka dalam musim penanaman tahun tersebut juga. Semua dari ahli 'derau' ini adalah 'pemilik-pengerja' kecuali seorang yang termasuk dalam kelas 'pemilik-pengerja-serta-penyewa'.

Tenaga buruh timbal balik ini merupakan institusi tradisional dalam aktiviti penanaman padi. Ia telah membentuk peranan yang penting dalam penggunaan tenaga buruh secara keseluruhan pada peringkat-peringkat kritikal dalam proses penanaman padi hingga ke hari ini.

#### **5.5.2 Institusi 'pinjam orang'**

Tumpuan utama dalam perbincangan di atas telah diberikan kepada sistem 'derau' yang masih aktif diamalkan di *Mubaan thi saam*. Satu lagi bentuk tenaga buruh kerjasama yang juga begitu penting dalam pengeluaran padi oleh masyarakat *Mubaan thi saam* adalah institusi 'pinjam orang'. Bentuk tenaga buruh kerjasama ini biasanya bagi petani yang miskin yang mempunyai pemilikan yang kecil.

Tujuan 'pinjam orang' adalah sama dengan 'derau' iaitu memberi pertolongan tenaga dalam proses penanaman padi tetapi mempunyai sedikit perbezaan. Apabila seseorang itu diberitahu untuk 'meminjam', mereka tidak mengharapkan balasan sepertimana dalam sistem 'derau' tetapi lebih kepada pertolongan semata-mata. Dalam keadaan ini, khidmat sepatutnya dibayar dengan khidmat atau wang; tetapi

kebanyakan petani yang meminta bantuan 'pinjam orang' sebagai bayaran hanya akan menyediakan makan dan minum untuk anggota masyarakat yang menolongnya.

Pada kebiasaanannya setiap makanan untuk makan tengahari yang disediakan kepada tenaga yang membantunya semasa menuai akan diberikan di sawah tempat mereka bekerja. Manakala semasa mencabut dan mencedong, para pekerja akan dijemput untuk menjamah hidangan yang disediakan di rumah tuan kerja. Pada waktu petang selepas kerja, mereka yang menolong akan diberi jamuan manis seperti bubur dan sebagainya. Jangkamasa 'pinjam orang' ini biasanya sehari sahaja untuk satu-satu tujuan seperti mencabut semaian, mencedong atau menuai. Jumlah tenaga dalam institusi 'pinjam orang' yang diamalkan di *Mubaan thi saam* adalah lebih kecil berbanding dengan tenaga yang diperolehi dari institusi 'derau'. (Seperti dapat dilihat dalam lampiran; Gambar 4.8)

Berbanding dengan negara lain seperti Malaysia, bentuk tenaga ini semakin terhakis dalam sistem ekonomi masyarakatnya di mana ia telah diambil alih oleh tenaga kerja upahan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ahmad Ezanee Mansor di Malaysia, di kawasan yang mengamalkan penanaman dua kali setahun, institusi ini telah mendapat kritikan dan tidak lagi diterima masyarakat. Ekonomi luar bandar yang semakin melihat kepada ekonomi wang telah menentukan penggantian ini.<sup>26</sup>

Situasi yang agak sama berlaku di *Mubaan thi saam* tetapi tidak terhapus sama sekali. Penggantian tenaga ini tidaklah begitu ketara berlaku di *Mubaan thi saam* seperti mana di kawasan pengeluaran untuk tujuan eksport. Bentuk kerjasama yang lebih bersifat pertolongan percuma ini masih lagi diamalkan di *Mubaan thi saam* walaupun jumlah keluarga yang terlibat tidak ramai sebagai mana yang terlibat dalam institusi 'derau'.

### **5.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan kepada bab ini, dapatlah dinyatakan aktiviti penanaman padi yang dijalankan di *Mubaan thi saam* memainkan peranan yang penting dalam sosioekonomi masyarakat *Mubaan thi saam*. Aktiviti penanaman padi terus memainkan peranan utamanya dalam menyara kehidupan masyarakat Melayu di *Mubaan thi saam*. Aktiviti ini menjadi harapan dan tempat mereka bergantung hidup pada masa kecemasan dan jika keadaan tidak mengizinkan mereka mencari sumber pendapatan. Dengan semua hasil padi disimpan bermakna sumber asas makanan tidak menjadi masalah lagi kepada mereka.

Menjelang dekad-dekad 1980-an, peranan aktiviti penanaman padi bukan sahaja sebagai ekonomi sara hidup tetapi juga sebagai sumber ekonomi wang secara sampingan kepada sejumlah anggota masyarakat. Keadaan ini berlaku dengan kerana selain penggunaan tenaga kerjasama, terdapat satu lagi

bentuk tenaga yang mulai menular sejak beberapa dekad kebelakangan ini iaitu tenaga buruh upahan.

Peranan aktiviti penanaman padi bukan sahaja mustahak dalam ekonomi mubaan tetapi juga dalam merapatkan lagi kerjasama sosial dalam masyarakat *Mubaan thi saam*. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna aktiviti ini secara total bertindak mewujudkan kerjasama sosial, tetapi menjadi satu mekanisme kepada unsur kerjasama yang sedia wujud dalam masyarakat Melayu.

**NOTA HUJUNG:**

<sup>1</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Nai Karia baka Said, 54, seorang penduduk *Mubaan thi saam*. Beliau mempunyai pembajak sendiri mengerjakan tanah orang lain atas dasar bahagi dua. Maklumat ini diperolehi semasa sesi temubual dengan beliau dirumahnya pada bulan November 1995.

<sup>2</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Yoh baka Samail, 47, isteri kepada Doloh baka Samail (*Pok Loh*), 53. Maklumat ini direkodkan semasa sesi temubual di depan baloh miliknya pada bulan April 1996.

<sup>3</sup> Luahan ini dijelaskan oleh Dome baka Pit, 52, salah seorang penduduk *Mubaan thi saam*. Penjelasan ini direkodkan semasa sesi temubual dengan beliau di rumahnya pada bulan Julai 1995

<sup>4</sup> John F. Embree; **Thailand: A Loosely Structured Social System**, American Anthropologies 52, 1950, hal. 181-193. Lihat juga Hans-Deiter Evers; **Loosely Structured Social System: Thailand in Comparative Perspective**, Cultural Report Series No.17, Southeast Asian Studies, Yale University, New Haven, USA, 1969, hal. 68

<sup>5</sup> James C. Ingram; **Op.Cit.**, hal. 57

<sup>6</sup> Maklumat daripada Esoh baka Bukok, 54, semasa sesi temubual di rumahnya pada bulan September 1997.

<sup>7</sup> John W. Mellor; "The Subsistence Farmer in Traditional Economies" dalam **Subsistence Agricultural and Economic Development** (Clifton R. Wharton Jr. [ed.]), Aldine Publishing Co., Chicago, USA, 1970, hal. 203

<sup>8</sup> Pasok Phongpaichit; **Employment, Income and the Mobilization of Local Resources in Three Thai Villages**, International Labour Organization (ILO), Asian Employment Programme (ARTEP), Bangkok, Thailand, 1982, hal. 35

<sup>9</sup> Noeleen Heyzer; **Working Women in South-East Asia: Development, Subordination and Emancipation**, Oxford Alden Press, London, Great Britain, 1986, hal. 12. Lihat juga Elise Boulding; "Women and the Agricultural Revolution" dalam **Readings in World Civilizations, (Vol.1)**, **The Great Traditions** (Kevin Reilly [ed.]), St Martin Press, New York, USA, 1992, hal. 18

<sup>10</sup> Cecilia Ng, Siti Nor Hamid dan S.Husin Ali; "Rural Development Programmes: Women Participant and Organization in Malaysia" dalam **Women Farmers and Rural Changes in Asia: Towards Equal Access and Participant** (Noeleen Heyzer [ed.]) Asian and Pacific Development Center, Kuala Lumpur, 1987, hal. 107

<sup>11</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Nai Karia baka Said, dalam sesi temubual semasa majlis tersebut diadakan di Bendang Bangpho, bulan Mei 1996.

<sup>12</sup> Douglas C.Michael; **The Political Economy of Regional Intergration: The Central Plains of Thailand 1855-1980**, University Microfilms International, Ann Arbor, Michigan, USA, 1983, hal. 50

<sup>13</sup> Charles Bernard Mehl; **Land, Agricultural and Development in Rural Thailand: A Study of Variations in the Socioeconomic Structure of Three Villages in Nakhon Ratchasima Province**, University Microfilms International, Cornell University, USA, 1985, hal. 22

<sup>14</sup> Piker; "**Post-Peasant Village in Central Plains Thai Society**", Paper Presented at the Meeting of Association of Asian Studies, New York, USA, 1972, hal. 176

<sup>15</sup> Koentjaraningrat; **Some Social Anthropological Observation on Gotong Royong Practices in Two Villages of Central Java**, Inthaca, New York, USA, 1960, hal. 122

<sup>16</sup> Wolf E.;"**Kinship, Friendship and Patron-Client Relation in Complex Society**" dalam **The Social Anthropolgy of Complex Society**, Tavistock Publication, London, Great Britain, 1968, hal. 1-23

<sup>17</sup> J.Potter; **Thai Peasant Social Structure**, University of Chicago Press, Chicago, USA, 1976, hal. 163

<sup>18</sup> M.Moerman; "**Baan Ping's Temple: The Center of a 'Loosely' Structured Society**" dalam **Anthropological Studies in Theravada Buddhism** (M.Nash [ed.]), Southeast Asian Studies, Cultural Report Series, Yale University, New Haven, USA, 1966, hal. 167

<sup>19</sup> Karl Marx; **Capital**, Lawrence and Warshart Co., London, Great Britain, 1954, hal. 308

<sup>20</sup> Howard K.Kaufman; **Bang Khuat: A Community Studies in Thailand**, Monographs of the Association for Asian Studies, New York, USA, 1960, hal. 30

<sup>21</sup> Ramsay A.; **Modernization and Reactionary in Northern Siam**, Journal of Asian Studies XXXVIII, 1979, hal. 283-297

<sup>22</sup> B.A. R.Mokhzani "**Credit in a Malay Peasant Economy**", Ph.D Thesis, University of London, Great Britain, 1973, hal. 40

<sup>23</sup> Bray F.A and Robert A.F.; **Share Cropping in Kelantan**, Malaysian Research in Economic Anthropology 3, 1980, hal. 209. Lihat juga Nayan; "**Adat Persawahan di Kedah**" dalam **Mastika**, September, 1958.

<sup>24</sup> James C.Ingram; **Op.Cit.**, hal. 14

<sup>25</sup> Sharpe L.,H.Hauck, K.Janlekha and R.Texton; **Siamese Rice Village: A Preliminary Study of Bang Chan 1948-1949**, Cornell Research Center, Bangkok, Thailand, 1953, hal. 145

<sup>26</sup> Ahmad Ezanee Mansor; "**The Impact of Padi Technology and Off-farm Work on Social Relations of Production: A Case Study of the Kemubu Padi Cultivation**" dalam **Segemal Padi Sekunca Budi: Ke Arah Menghayati Budaya Padi**, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993, hal. 100